

Rasionalisasi Kebolehlaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 (Hudud) Kelantan dalam Konteks Malaysia

Anuar Al Sadat Haji Noor
anuarsadat56@yahoo.com
Universiti Malaysia Kelantan

Mohd Zain Mubarak
mzain@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

Nur Azuki bin Yusuff
nurazuki@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Merasionalisasikan Kanun Jenayah Syariah (KJS) II (1993) 2015 & Hudud adalah usaha berterusan kerajaan Kelantan semenjak 1993. Namun ia masih belum dapat direalisasikan kerana halangan-halangan tertentu khususnya dari sudut perundangan. Kertas ini mengupas rasionalisasi kebolehlaksanaan kanun tersebut dalam konteks di Kelantan. Data kajian diperoleh melalui dokumen, temubual dan pemerhatian dan dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapati tujuh (7) faktor yang merasionalkan kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 seperti; Islam agama rasmi, Parti Islam SeMalaysia, sokongan Sultan Kelantan, kebebasan laksana undang-undang negeri, Agama Islam urusan negeri, Islam dan Melayu, mahkamah sivil mengesahkan undang-undang Islam negeri. Halangan dan cabaran wujud dengan jelas dari sudut perundangan dan kesediaan Kerajaan Negeri Kelantan. Namun, sekiranya halangan dan cabaran ini dapat diselesaikan, cita-cita untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015 akan menjadi kenyataan. Justeru, sokongan ahli parlimen amat diperlukan merentasi fahaman politik kepartian, kepelbagaian agama dan budaya. Begitu juga dari sudut kesediaan Kerajaan Kelantan dalam pelbagai aspek memainkan peranan besar untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Kata Kunci: Kanun Jenayah Syariah; Perlembagaan; Parti Islam Se Malaysia

PENGENALAN

Kerajaan Kelantan telah berusaha untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 & Hudud sejak tahun 1993 lagi berasaskan permintaan YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Menteri Besar Kelantan 1993-2014). Kesungguhan dalam dasar Membangun Bersama Islam, selain melaksanakan program UMI (*Ubudiyyah*, *Masuliyyah* dan *Itqon*) termasuklah mengenai Kanun Jenayah Syariah secara berterusan serta menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 sebagai menggantikan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985. Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1993 dan sekali lagi diluluskan pada tahun 2015 selepas dibuat beberapa

pindaan dan dipanggil Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Namun sejak itu malah dengan perkenan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V, Sultan Kelantan, kanun ini masih belum dapat dilaksanakan. Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan semasa zaman YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan, sekali lagi enakmen ini dibawa ke Dewan Undangan Negeri Kelantan dan telah diluluskan dengan melibatkan beberapa pindaan. Walaupun begitu, enakmen ini masih belum dapat dilaksanakan sehingga sekarang kerana masih terdapat beberapa halangan yang tidak dapat diselesaikan semenjak tahun 1993. Antara Isu yang dikatakan menjadi halangan untuk pelaksanaan kanun ini ialah berkaitan bidang kuasa antara negeri dan Persekutuan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN

Masyarakat Malaysia mula didedahkan dengan Kanun Jenayah Syariah (KJS) II (1993) 2015 apabila hasrat pelaksanaan undang-undang hudud disuarakan oleh kerajaan Kelantan pada awal tahun 90an. Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah memerintah Kelantan semenjak tahun 1990an sehingga sekarang. Kesungguhan Kerajaan PAS Kelantan melalui dasar Membangun Bersama Islam dengan memperkenalkan program UMI (*Ubudiyah, Masuliyah dan Itqon*), Kanun Jenayah Syariah dan menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 sebagai menggantikan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985. Walau bagaimanapun agenda perjuangan PAS ini terus diperdebatkan sehingga ke hari ini. Malah, perkara ini menjadi suatu polemik dan mengundang pelbagai pandangan dan perbincangan, sama ada positif atau negatif apabila KJS II (1993) 2015 diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Penggubalan KJS II (1993) 2015 ini adalah merupakan satu langkah *siyasah syariyyah* yang lahir daripada dasar kerajaan negeri Kelantan iaitu "Membangun Bersama Islam" selepas PAS memerintah Kelantan pada 21 Oktober 1990¹. Dasar ini adalah satu janji yang ditawarkan kepada rakyat dalam manifesto pilihanraya ke sembilan ke arah merealisasikan pelaksanaan Islam secara komprehensif (Mohd. Azhar Abdullah, 2015). Walaupun begitu, enakmen ini masih belum dapat dilaksanakan sehingga kini dan antara isu yang dikatakan menjadi halangan ialah berkaitan bidang kuasa antara negeri dan Persekutuan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan secara harfiah tidak menghalang pelaksanaan undang-undang Islam termasuklah Hudud, walaupun ada peruntukan yang menyatakan mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal setakat yang berlawanan. Shamrahayu A.Aziz (2016) yang merupakan salah seorang pakar perundangan dan perlembagaan mengatakan:

"Secara jelas dan nyata, tidak terdapat mana-mana peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghalang pelaksanaan hukuman Islam atau Hudud sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Islam sebagai Agama Persekutuan, sebagaimana yang dijamin oleh Perkara 3(1) sudah cukup kuat untuk menjadi asas pelaksanaan syariat Islam sebagai undang-undang dalam ruang lingkup yang dibenarkan".

Mengikut Peguambela & Peguam Cara, Che Hartini Bt. Che Omar, perkara yang menjadi penghalang pelaksanaan hukuman Hudud oleh Mahkamah Syariah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 (AMS 1984) yang menghadkan bidang kuasa hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri. Di bawah Akta ini, mana-mana kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah

¹Pakatan Perpaduan Ummah (APU) terdiri daripada PAS, S46, Berjasa dan Hamim, memenangi pilihanraya mengalahkan UMNO) 39 - 0. Sayuti Omar (1991), Kelantan Selepas Pantang, h.v, Tinta Merah, Kuala Lumpur.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri (EKJS), tidak boleh melebihi peruntukan denda maksimum RM5000.00, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan. Inilah yang sebenarnya menjadi halangan terbesar untuk Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman yang sampai ke tahap hukuman Hudud, terutama bagi kesalahan seperti persetubuhan luar nikah (menyamai zina), *qazaf* dan minum minuman yang memabukkan yang telah sedia ada di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri². Justeru, melalui kaedah kajian kepustakaan, temubual dan pemerhatian, kajian ini mengenengahkan faktor-faktor kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Kajian ini bertujuan menjelaskan faktor kebolehlaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 & Hudud di Kelantan dalam konteks Perlembagaan Persekutuan dan perundangan. Pengumpulan data adalah melalui sesi temubual melibatkan tiga individu penting iaitu Timbalan Menteri Besar, Mufti Negeri dan juga peguam. dengan cadangan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kajian ini juga merujuk kepada dokumen penting terutamanya dari sudut perundangan di samping pemerhatian yang dibuat melalui penglibatan dalam program berkaitan dengan isu yang dikaji.

ANALISIS RASIONALISASI KEBOLEHLAKSANAAN KJS II (1993) 2015

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh, berikut adalah analisis rasionalisasi kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 dan Hudud iaitu;

Islam Agama Rasmi Negara

KJS II (1993) 2015 adalah bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara merujuk kepada Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perbincangan lanjut berkaitan kedudukan dan status Agama Islam, sama ada Malaysia adalah Negara Islam atau sebaliknya yang berkait dalam hal ini boleh dirujuk kepada kenyataan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2002 adalah sebagaimana berikut:

“Pengkhiran bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang diberikan oleh dunia Islam atau bukan Islam sudah cukup untuk negara ini dianggap sebagai sebuah negara Islam, kerajaan telah menunjukkan bukti bahawa segala ajaran Islam yang mampu dilaksanakan oleh pemerintah Malaysia telahpun dilaksanakan, undang-undang Syarak atau hukum Syarak dikuatkuasakan di Malaysia dengan mengambil kira keadaan negara yang berbilang agama dan kaum dan keadilan yang menjadi perkara utama dalam undang-undang Islam” . Mahathir Mohamad (2002)

Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Mohammad Syukri Mohammad (2019) menyatakan definisi negara Islam termasuk dalam kategori perkara *Ijtihadiyyah*, terdapat pandangan ulama yang agak luas mengenai skop dan ciri-ciri negara Islam. Ada juga ulamak berpandangan sempit tentang skop dan ciri-ciri negara Islam. Namun, umat Islam tidak seharusnya bertelagah untuk mengklasifikasikan negara dan negeri ini adalah negara Islam.

Dalam konteks Negara Malaysia, Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan rujukan utama dalam menentukan status sesebuah negara. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan merupakan suatu peruntukan yang menjadi tunjang kepada status Agama bagi

² Temubual Tetuan Che Hartini bt. Haji Che Omar, Peguambela & Peguamcara & Peguam Syarie pada 20.8.2024 di Kg. Chichal, Jakan Pasir Tumbuh Kota Bharu Kelantan/ (Pejabat Tetuan Nora, Noreha & Hartini) Jalan Dusun Muda, 15200 Kota Bharu Kelantan.

Negara yang secara jelas telah menolak sifat sekular Negara. Ini terserlah dengan adanya rujukan berkaitan kedudukan dan nilai-nilai agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia, sama ada Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang Perlembagaan negeri-negeri. Sekiranya sekular itu sendiri difahami sebagai satu kefahaman dan pemikiran yang menolak sebarang unsur agama dalam sistem kehidupan bernegara, maka ia adalah menyimpang dalam konteks sejarah Malaysia semenjak zaman sebelum penjajah, zaman penjajah dan juga zaman sekarang. Sejarah terbukti dan tertulis bahawa Tanah Melayu tidak pernah bersifat sekular. Mungkin benar, jika dikatakan bahawa semasa penjajahan British, undang-undang Inggeris telah dibawa masuk ke Tanah Melayu dengan pelbagai mekanisme dalam pelbagai keadaan. Walaupun begitu, keadaan ini tidak bermakna ia telah menukar sifat negara menjadi sekular kerana telah meletakkan agama Islam di suatu tempat yang tinggi.

Sewaktu kemerdekaan semua negeri Melayu telah menjadikan Islam sebagai agama bagi negeri di dalam perlembagaan negeri masing-masing. Hal perkara ini telah menolak dan menafikan sifat Tanah Melayu yang dikatakan sebagai sekular (Shamrahyu A.Aziz, 2009). Sebagai contoh, termaktub dalam Undang-Undang Negeri Kelantan, *Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, dalam Seksyen 5 (Agama Negeri) ada menyebut:-

“Adalah agama Negeri itu hendaklah Agama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam Negeri: Dengan Syarat segala agama lain bolehlah dijalankan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang memegang agama-agama itu di dalam mana-mana bahagian daripada Negeri.” (Undang-Undang Negeri Kelantan) (Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan, 2008).

Berdasarkan rujukan dan analisis dokumen berkaitan, kajian ini mendapati bahawa Islam adalah sebagai agama bagi negeri-negeri seluruh Tanah Melayu semenjak sebelum merdeka. Perkara ini kemudiannya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai agama bagi Negara dengan tetap mengekalkan Islam juga adalah agama bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia. Dalam hal ini juga, Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi yang merupakan salah seorang pakar Perlembagaan menjelaskan;

*“.....untuk mengatakan Malaysia sebagai sebuah negara sekular adalah sesuatu yang tidak benar kerana kesemua masyarakat Islam di Malaysia yang juga merupakan rakyat majoriti tertakluk kepada undang-undang Syariah, ada individu yang boleh ditangkap kerana berdua-duaan di dalam satu bilik dan boleh dibawa ke mahkamah untuk dikenakan denda atau penjara. Perkara ini tidak berlaku di sebuah negara sekular. Jika sekular itu dimaksudkan sebagai tiadanya nilai ataupun doktrin agama yang dikenakan oleh kerajaan terhadap rakyat, jadi adalah jelas bahawa kita bukan negara sekular kerana 61.6 peratus rakyat Malaysia yang beragama Islam tertakluk di bawah undang-undang Syariah”.*³

Peranan Parti Islam SeMalaysia dan Masyarakat Pro-Islam

Parti Islam SeMalaysia (PAS) bertunjangan tiga rukun utama; Tarbiyyah, Dakwah dan Harakah meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya seperti yang terkandung dalam Perlembagaan PAS (Fasal 3). Perkara ini merupakan perjuangan PAS dalam usaha memenuhi maksud sebenar *al-Din* yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Merujuk Perlembagaan PAS, Fasal 5, perjuangan dasar Islam ini merangkumi setiap lapangan seperti dakwah, tarbiyyah dan politik pilihan raya (Muhammad Najhan Abdul Halim, 2016). Timbalan Menteri Besar Kelantan, Mohd Amar Abdullah yang menjawat jawatan sebagai

³ Shad Saleem Faruqi adalah Profesor dalam bidang Undang-undang dan berkhidmat di Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Malaysia (UIA). Ucapan beliau ini dilaporkan media Sinar Harian oleh Muhammad Amnan Hibrabim (2021) “*Malaysia Bukan Negara Sekular mahupun Negara Islam*” Ceramah bertajuk *Pembinaan Perlembagaan Malaysia*” Siri Ceramah Politik Malaysia, anjuran bersama Sekolah Seni Liberal dan Sains Universiti Taylor dan Zubedy’s Unity and Harmony Mediators Movement (Mediators) 28 May 2021 (Sinar Harian .com.my) dilayari 12.8.2022, jam 12.00 am.

Timbalan Menteri Besar Kelantan mulai 6 Mei hingga 15 Ogos 2023⁴, menjelaskan dalam temu bual selepas PRU 13 bahawa;

“..untuk meminda Akta 355 memerlukan majoriti mudah, iaitu 112 orang, jumlah ahli parlimen Islam ialah 140. Sekiranya ahli Parlimen beragama Islam ini berfikir dan menimbang atas asas agama bukan asas parti, bukan asas politik, ini bukan isu politik PAS, ini tanggungjawab kita sebagai orang Islam. Bagi membolehkan KJS II (1993) 2015 ini berjalan, kena ada dua perkara. Pertama kena ada pindaan terhadap Akta 355. Kedua, kena ada kelulusan Parlimen di bawah Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu membolehkan negeri melaksanakan undang-undang di bawah bidang kuasa Parlimen.” (Mohd Amar Abdullah, 2015).

Sokongan KDYMM Al-Sultan Kelantan

Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah di negeri Kelantan telah mendapat sokongan dan persetujuan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V. Perkara ini dizahirkan melalui Titah Baginda Sultan sempena Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan ke 13 Tahun 2015 di Kota Darul Naim Kelantan berkaitan pelaksanaan Hudud di Kelantan:

*“Beta difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk membawa rang undang-undang persendirian bagi meminda Akta 355 dan Peruntukkan 76A (1) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah, semoga beroleh kejayaan dengan sokongan semua pihak”.*⁵

Ini membuktikan bahawa Baginda Sultan telah memberi perkenan dan restu tentang hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan dan mengharapkan semua pihak, sama ada negeri dan Persekutuan memberi kerjasama dalam menjayakan usaha ini.

Kebebasan Melaksanakan Undang-Undang di bawah Kuasa Negeri.

Peruntukan mengenai undang-undang Islam di Malaysia secara umumnya berada di bawah enakmen khusus di setiap negeri. Antara undang-undang tersebut ialah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (EUUKI), Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah (KJS), Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah (EUKMS) dan lain-lain. Oleh hal yang demikian, setiap undang-undang Islam yang dibuat di negeri-negeri mestilah melalui proses yang ditetapkan, berdasarkan peraturan dan ketetapan negeri. Peraturan ini perlu dipatuhi bagi memastikan kesahan dan keteraturan dari sudut perundangan. Dengan kata lain, kedudukan institusi di Raja dan sistem pentadbiran agama Islam yang bercirikan kenegerian dan adat mestilah diambil kira.

Merujuk Perkara 74 (Hal Perkara Undang-Undang Persekutuan dan Negeri). Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara dan ianya perlu dipatuhi dan diterima oleh semua pihak. Berdasarkan Jadual Kesembilan, sebagaimana kehendak dalam Perkara 74, Perkara 76A memberi kuasa kepada Parlimen untuk membenarkan badan-badan perundangan negeri-negeri atau mana-mana daripada badan perundangan negeri

⁴ https://ms.m.wikipedia.org/wiki/mohd_Amar_Abdullah

⁵ Titah Sultan Muhammad V sempena Istiadat Pembukaan dan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Ketiga Belas Tahun 2015. (16hb. Mac 2015) – Handsard Dewan Undangan Negeri Kelantan (2015) Nor Fazlina Abdul Rahim (2015) BH. Selasa 17 Mac 2015.

tersebut untuk membuat undang-undang. Fakta ini juga berkait mengenai perkara yang tersenarai dalam Senarai I (Senarai Persekutuan). Perkara 76A menyatakan:

“Dengan ini ditegaskan bahawa kuasa parlimen untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan Badan-Badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh Parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu.”

Sekiranya dirujuk kepada Perkara 74, ia seakan meletakkan Islam secara eksklusif di bawah kuasa negeri yang penggubalan undang-undang berkaitannya hendaklah dilakukan oleh Dewan Undangan Negeri. Badan Perundangan Persekutuan iaitu Parlimen tidak mempunyai kuasa dan seterusnya tidak boleh membuat undang-undang berkaitan perundangan Islam di negeri-negeri (kecuali Wilayah Persekutuan). Sekiranya Parlimen membuat undang-undang berkaitan Islam (kecuali bagi Wilayah Persekutuan) maka undang-undang itu boleh diisytiharkan tidak sah. Dewan Undangan Negeri pula tidak boleh membuat undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan. Sekiranya Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang mengenai perkara-perkara tersebut (kecuali sekiranya dibenarkan oleh Parlimen melalui peruntukan Perkara 76A) maka undang-undang tersebut boleh diisytiharkan sebagai tidak sah.⁶

Kajian ini mendapati pembahagian kuasa di antara Persekutuan dan negeri adalah jelas sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun pada realitinya tidak dapat dinafikan masih banyak yang diperdebatkan dan dipertikaikan berkaitan campur tangan Mahkamah Sivil ke atas Mahkamah Syariah. Hal ini terjadi kerana terdapat tafsiran perundangan yang berbeza oleh pihak-pihak yang berkepentingan yang melihat kuasa penafsiran undang-undang dan Perlembagaan adalah terletak kepada pihak mahkamah Sivil sepenuhnya.

Agama Islam adalah Urusan Negeri

Sebagaimana sedia maklum Islam adalah merupakan urusan negeri dan pentadbiran Islam negeri-negeri adalah bersifat kenegerian dan terikat dengan sistem beraja. Merujuk Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Agama Bagi Persekutuan).

1. Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

2. Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

Pengurusan dan hal ehwal berkaitan Islam adalah menjadi hak negeri-negeri urusan negeri malah dalam keadaan darurat sekali pun, kerajaan persekutuan tidak boleh campur

⁶ Seminar RUU 355 Dan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Realiti & Cabaran di SPRM Negeri Kelantan. Persatuan Peguam Syarie Kelantan (2015).

tangan (Shamrahayu, 2017). Hal ehwal agama Islam termasuklah pelaksanaan undang-undang Islam merupakan urusan negeri sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Persoalannya kenapa negeri perlu terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (1965) pindaan 1984 yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sedangkan ia adalah bidang kuasa negeri. Apakah Persekutuan telah mengambil hak dan mencampuri urusan negeri dalam hal ehwal Islam? Raja-raja Melayu adalah merupakan ketua agama negeri dan KJS II (1993) 2015 telah pun diperkenankan oleh Al-Sultan Kelantan.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan, pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri telah dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagaimana yang telah dimaklumi, urusan Islam telah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, Jadual kesembilan (Senarai II) senarai negeri. Hal ini juga adalah merupakan amalan terdahulu dan juga menurut kehendak Majlis Raja-raja, sebagai satu pihak dalam perjanjian pembentukan negara Malaysia. Justeru, hal ini perlu dihormati dan dipatuhi demi menjaga keharmonian masyarakat dan keluhuran perlembagaan.

Islam dan Melayu Berpisah Tiada

Faktor Islam dan Melayu berpisah tiada mengambil kira populasi penduduk Malaysia yang diwakili Melayu Islam melebihi 60% di samping ketuanan Melayu yang berakar umbi dan ketamadunan payung anak watan Malaysia yang didominasi oleh Melayu Islam. Sebagaimana tercatat dalam perlembagaan Persekutuan Perkara 160, Melayu ditakrifkan sebagai "*orang Melayu itu mestilah beragama Islam*". Oleh itu, Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan. Mantan Ketua Hakim Negara, Salleh Abbas (1986) dalam buku beliau berjudul *Traditional Element of Malaysia Constitutions: Its Development (1957-1977)*, menjelaskan Melayu dan Islam adalah dua unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan. Oleh hal yang demikian adalah menjadi tanggungjawab Yang Di-Pertuan Agong untuk melindungi orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 153 (2) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut.

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, tetapi tertakluk kepada peruntukan Perkara 40 (Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat) dan peruntukan Perkara ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan mengikut apa-apa cara yang perlu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak apa-apa kerkadaran yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan dalam perkhidmatan awam (selain perkhidmatan awam sesuatu Negeri) dan daripada biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan, apabila apa-apa permit atau lesen dikehendaki oleh undang-undang persekutuan bagi mengendalikan apa-apa pertukangan atau perniagaan, maka, tertakluk kepada peruntukan undang-undang itu dan Perkara ini, daripada permit dan lesen itu."

Oleh kerana Islam dan Melayu merupakan dua entiti yang tidak dapat dipisahkan, maka tugas menjaga orang Melayu termasuklah juga melindungi dan menjaga agama Islam adalah merupakan tugas Yang Di Pertuan Agong dan pemerintah. Orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan sebagai ;

"Seorang yang menganut agama Islam, yang lazim bertutur bahasa Melayu mengamalkan Adat Istiadat Melayu dan berasal dari Tanah Melayu".

Perkara ini terangkum dalam Perlembagaan Malaysia (persekutuan dan negeri) yang

menyebut dengan jelas tentang orang Melayu dan Islam. Kedua-dua elemen ini merupakan satu kekuatan dan Islam disebut sebagai agama Persekutuan. Perlu difahami bahawa proses perkembangan, pembangunan dan kekuatan Islam di Tanah Melayu (Malaysia) bukanlah bermula selepas kemerdekaan Tanah Melayu 1957. Hakikatnya ia telah bermula semenjak sebelum merdeka lagi, iaitu semenjak Islam mula bertapak di Tanah Melayu, zaman kesultanan Melaka sehinggalah Tanah Melayu dijarah oleh penjajah. Namun, Islam tidak hilang malah tetap utuh di Tanah Melayu walaupun kelihatan sedikit terhakis kerana dasar yang diperkenalkan oleh penjajah. Perkara ini dikuatkan dan disahkan lagi dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Artikel 160 jelas menyentuh tentang tiga elemen mengenai bangsa Melayu, iaitu beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Ketiga-tiga elemen ini dirangkum bersama sebagai tunjang dan kekuatan yang saling mengikat dan tidak boleh dipisahkan. Sekiranya dipisahkan dan diganggu maka dianggap mencabuli Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah Sivil Berbidang Kuasa Mengesahkan Undang-undang Islam Negeri

Mahkamah Sivil mempunyai kuasa mutlak untuk menafsirkan Perlembagaan Persekutuan dan tafsiran paling muktamad ialah tafsiran yang dibuat oleh mahkamah Sivil. Dalam menentukan sama ada KJS II (1993) 2015 sama ada sah ataupun tidak, ia bergantung kepada tafsiran dan keputusan mahkamah Sivil. Setakat ini belum ada sebarang keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil di Malaysia yang menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak sah⁷. Justeru, kajian ini melihat ada ruang bagi pihak yang berkepentingan membawa isu campur tangan Persekutuan dalam menentukan perjalanan hal ehwal Islam di negeri-negeri perkara ini ke mahkamah sivil. Perlembagaan jelas menyatakan tentang pembahagian kuasa antara Persekutuan dan negeri berkaitan hal ehwal Islam. Namun begitu campur tangan Persekutuan dalam hal ehwal Islam masih berlaku dari dahulu hingga sekarang. Persoalan yang boleh ditimbulkan ialah apakah kewujudan Akta 355 itu adalah *Ultra Vires* dengan Perlembagaan Persekutuan ?

Ahmad (2019) menjelaskan bahawa kewujudan Akta Mahkamah Syariah 1965 (1984) (Bidang Kuasa Jenayah) yang digubal di peringkat Persekutuan boleh dipersoalkan dan dipertikaikan tentang kesahannya. Kewujudan akta ini seolah-olah bertentangan atau *ultra vires* dengan Perlembagaan Persekutuan. Persekutuan telah mencabuli hak negeri berkaitan hal ehwal Islam, sebagaimana diperuntukkan dalam perkara 74, (Hal perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri), diperuntukkan dalam jadual ke Sembilan Senarai II (Senarai Negeri), iaitu hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri. Apakah Mahkamah Syariah ini bukan hal ehwal Islam ?. Persoalannya kenapa Parlimen atau Persekutuan membuat Akta Mahkamah Syariah 1965 *pindaan* 1984 ? Pada pandangan beliau ini merupakan *unconstitutional* atau tidak berperlembagaan. Kerajaan negeri boleh dan disarankan untuk membawa perkara ini ke mahkamah bagi menentukan kesahannya.

PERBINCANGAN

Tujuh (7) faktor yang diketengahkan ini menunjukkan tiada isu berbangkit tentang rasionalisasi kepada pelaksanaan KJS II(1993) 2015 dan Hudud. Persoalan yang timbul ialah kenapa KJS II (1993) 2015 tidak dapat dilaksanakan di Kelantan. Jawapan terhadap persoalan tersebut ialah pelaksanaan KJS (1993) 2015 ini terhalang kerana ia bertentangan dengan Akta

⁷ Temubual Ahmad Jailani Abd. Ghani, Peguambela & Peguamcara / Peguam Syarie, pada 12.4.2021 di Kediaman Kg. Renek Bukit Marak Kota Bharu Kelantan.

355 (bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah) yang menetapkan hukuman (3,5,6) iaitu 3 tahun penjara, 5 ribu ringgit denda dan 6 kali sebatan atau gabungan mana-mana hukuman tersebut.

Pernyataan di atas boleh difahami bahawa pembahagian kuasa antara Persekutuan dan negeri adalah tidak begitu jelas. Ini kerana dalam keadaan tertentu Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sebagai contoh Butiran 1 (Senarai Negeri) pada jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah adalah tertakluk kepada Undang-Undang Persekutuan. Peruntukan ini mungkin boleh diujahkan sebagai satu justifikasi kepada Parlimen untuk menentukan bidang kuasa jenayah berkaitan hukuman bagi Mahkamah Syariah. Peruntukan ini secara tidak langsung telah menjadikan Islam sebagai satu perkara yang boleh digubal oleh badan perundangan Persekutuan walaupun sebenarnya Islam adalah urusan negeri-negeri.

Dato' Mohd Amar Abdullah, mantan Timbalan Menteri Besar Kelantan menyatakan tindakan Kerajaan Kelantan dalam menggubal dan meluluskan Rang Undang-Undang KJS II (1993) di Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada tahun 1993 adalah berdasarkan kepada beberapa pandangan dari pakar perundangan seperti Dr. Abdul Aziz bin Bari. Kerajaan Kelantan boleh dan berhak untuk melaksanakan KJS II (1993) kerana ia adalah berkaitan hal ehwal Islam dan merupakan bidang kuasa negeri. Manakala YAA Dato' Aria Di Raja Haji Daud bin Muhamad, Ketua Hakim Syarie Kelantan pada waktu juga berpandangan yang sama dan tanpa perlu mendapat kebenaran Kerajaan Persekutuan kerana ia adalah bidang kuasa negeri berkaitan hal ehwal Islam (Mohd Amar Abdullah, 2019). Namun, pada pandangan Tun Abdul Hamid Mohamad pula KJS II (1993) adalah tidak sah dan batal atas sebab-sebab yang berikut:-

- i. Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang tersebut sebagai satu undang-undang yang terletak di bawah senarai negeri sedangkan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan itu adalah undang-undang jenayah yang terletak di bawah senarai Persekutuan. Sehingga ke hari ini jadual Kesembilan tidak dipinda untuk meletakkan kesalahan-kesalahan itu di bawah Senarai Negeri.
- ii. Jika Parlimen memberi kebenaran sekalipun, kesalahan-kesalahan itu kekal sebagai undang-undang jenayah yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil dan bukan kesalahan-kesalahan di bawah senarai negeri sebab jadual ke Sembilan tidak dipinda untuk memindahkan kesalahan-kesalahan itu daripada Senarai Persekutuan kepada Senarai Negeri. Oleh sebab kesalahan-kesalahan itu kekal sebagai undang-undang Jenayah, pemakaiannya tidak boleh dihadkan kepada orang Islam sahaja. Ini melanggar peruntukan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8 Kesamarataan (1) iaitu semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
- iii. Parlimen tidak atau belum memberi kebenaran kepada Badan Perundangan Negeri Kelantan untuk membuat undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan itu. Jika kebenaran diberi pun ia tidak akan menjadikan undang-undang itu satu undang-undang yang sah kerana dibuat tanpa bidang kuasa.
- iv. Bagi kesalahan-kesalahan yang terletak di bawah Senarai Negeri (seperti zina, meminum minuman yang memabukkan), ia melanggar peruntukkan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1985.

Perlu juga dinyatakan bahawa kesalahan (i) hingga (iv) terpakai juga kepada kesalahan-kesalahan qisas dan ta'zir dalam rang undang-undang itu. Dalam kata lain, ia juga tidak sah atas sebab alasan - alasan yang sama. (<https://www.tunabdulhamid.my> (2019)

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya kajian ini melihat pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di negeri Kelantan adalah sesuatu yang bukan mustahil untuk direalisasikan. Cabaran dan kekangan dari sudut perundangan dan politik pentadbiran memerlukan suatu jiwa besar atas paksi kesatuan ummah demi mendaulatkan perundangan Islam di Malaysia. Isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 perlu dilihat sebagai bukan agenda parti politik tertentu tetapi keprihatinan umat Islam secara keseluruhan. Justeru, ia perlu difahami dan diberi perhatian yang lebih strategik dalam usaha merealisasikan pelaksanaan KJS I (1993) 2015 secara bijaksana mengikut lunas perundangan demi kemaslahatan serta kemakmuran di muka bumi ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. (2015). *Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam (Hudud, Qisas, Taa'zir) Di Malaysia - Prospek Dan Cabaran Seminar Pelaksanaan Hudud Di Malaysia - Sejarah Dan Masa Depan*. Anjuran Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2015). *Perlembagaan Persekutuan*, International Law Book Services, Petaling Jaya, Selangor.
- Mahathir Mohamad. (2002). *Malaysia Sememangnya Negara Islam*. *malaysiakini*. Sep 17,2002. 8.51 am.
- Mohd. Azhar Abdullah. (2015). *Jenayah Syariah II (1993) 2015 Pengenalan & Hala Tuju*. Tanah Merah, Kelantan: Pondok Al-Ulum al-Qamariyyah.
- Muhammad Najhan Abdul Halim. (2016). *Islam Menangani Kepelbaggian*. Darul Ehsan: Pertubuhan Pendakwah Malaysia.
- Muhammad Amnan Hibrahim. (2021). *Malaysia Bukan Negara Sekular mahupun Negara Islam. Ceramah bertajuk Pembinaan Perlembagaan Malaysia*. Siri Ceramah Politik Malaysia, anjuran bersama Sekolah Seni Liberal dan Sains Universiti Taylor dan Zubedy's Unity and Harmony Mediators Movement (Mediators) 28 May 2021 (Sinar Harian .com.my) dilayari 12.8.2022, jam 12.00 am.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2015). *Titah Sultan Muhammad V sempena Istiadat Pembukaan dan Persidangan Dewan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Ketiga Belas Tahun 2015*. (16hb. Mac 2015) - BH, Selasa 17 Mac 2015 Handsard Dewan Undangan Negeri Kelantan (2015).
- Nur Al-Farhain Binti Kamaruzaman 1 & Nur Aina Abdulah. (2022). *Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) Negeri Kelantan: Analisis Pelaksanaan*, Jurnal jfatwa USIM, VOL. 27, NO. 4 Sept. 2022 Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia www.jfatwa.usim.edu.my
- Persatuan Peguam Syarie Kelantan. (2015). Kertas kerja (Diskusi Eksklusif) *RUU 355 Dan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Realiti & Cabaran*. Di bentangkan di Bangunan SPRM, Negeri Kelantan.
- Salleh Abbas. (1986). *Traditional Element of Malaysia Constitutions: Its Development (1957-1977)* dlm Mohamed Suffian, HP.Lee & Trindade (ed.), 1978. *The Constitution of Malaysai, Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shamrahayu A. Aziz. (2009). *The Malaysian Legal System: The Roots, The Influence and The*

Future. 3 MLJ (2009): xcii-cvi.

Shamrahayu A. Aziz. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM Press.

Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Isu Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Legasi Press Sdn. Bhd.

Temubual:

YB. Mohd Amar Bin Abdullah (Timbalan Menteri Besar Kelantan) pada 15.7.2019 di Pejabat Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Mohammad Syukri Bin Mohamad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada 18 April 2019 di Jabatan Mufti, Balai Islam Kota Bharu.

Tetuan Ahmad Jailani Abd.Ghani (Peguamcara, Peguambela & Peguam Syarie) pada 12.4.2021 di Kg. Bukit Marak Kota Bharu Kelantan.

Tetuan Hartini Che Omar (Peguamcara, Peguambela & Peguam Syarie) pada 20.8. 2024 di Kg. Chichal, Jalan Pasir Tumboh 16150 Kota Bharu Kelantan.